

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 25 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 06

Jangan propemaju!



Oleh **KU SYAFIQ KU FOZI**
pengarang@utusan.com.my

ISU lambakan rumah tidak terjual sudah lama membelenggu negara, namun kali ini lebih menarik apabila rumah mampu milik juga dilaporkan sukar dijual.

Dalam hal ini, kerajaan tidak perlu pergi jauh. Rujuk sahaja manifesto anda dahulu.

Janji tentang isu perumahan merupakan janji keempat dalam Buku Harapan. Pakatan Harapan (PH) memperuntukkan hampir empat muka surat dalam dokumen manifesto mereka tentang perumahan.

Intipati utama janji tersebut ialah: (i) menambah program perumahan mampu milik iaitu mewujudkan sejuta rumah mampu milik dalam tempoh dua penggal pemerintahan; (ii) memperluas skim sewa milik (*rent to own*); (iii) menetapkan had masa untuk projek perumahan bagi mengelakkan gejala membina *landbank* dan (iv) mewujudkan Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN).

Alhamdulillah, MPMMN sudah diwujudkan melalui Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) Januari lalu. Namun untuk intipati lain, ia masih kabur.

Lebih buruk lagi, ada be-

nya boleh menyebabkan lebih banyak pemaju membangunkan hartanah mewah kerana wujudnya permintaan dalam kalangan warga asing.

Sebab itu, tindakan Zuraida ini dikritik Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd. Redzuan Yusof yang meminta Zuraida agar tidak menjadi menteri yang propemaju.

Begitu juga dengan cadangan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng supaya bank melonggarkan syarat pinjaman supaya lebih ramai yang boleh membeli hartanah.

Ia tidak menguntungkan rakyat terbanyak sebaliknya menguntungkan pemaju. Guan Eng juga perlu sedar, melonggarkan syarat dan meningkatkan risiko dalam pinjaman adalah bibit permulaan yang mencetuskan krisis subprima di Amerika Syarikat pada 2008.

Tuntasnya, PH perlu kembali merujuk dan mengambil semangat retorik manifesto mereka sendiri yang sangat prorakyat, bukan propemaju. Tidak dapat buat semua pun tak apalah.

Yang penting kompas moral yang ditetapkan dalam manifesto itu kekal dipertahankan. Mungkin kaedah yang dicadangkan dalam manifesto itu sebenarnya tidak sesuai, boleh cuba cara lain.

Harapan rakyat, jangan sesekali PH cuba untuk jadi kerajaan yang propemaju. Itu sahaja.

berapa cadangan daripada pemimpin kerajaan yang dilihat bertentangan dengan semangat Janji 4 Buku Harapan ini.

Antaranya ialah cadangan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin yang mahu melancarkan kempen membeli rumah mewah untuk warga Hong Kong dan China. Secara mudahnya, ia dilihat mampu menyelesaikan masalah lambakan rumah mewah yang ada namun jika diteliti, ia boleh beri kesan sebaliknya.

Dalam sistem ekonomi pasaran bebas, tidak banyak yang boleh dibuat kerajaan untuk mengawal tindak-tanduk syarikat pemaju perumahan. Oleh itu, dengan menggalakkan pembelian hartanah mewah oleh warga asing, ia sebenar-